

Terapi Ikan Merawat Penyakit Kulit

Oleh SITI ZUBAIDAH I. dan NOR SUHANA A. H.

TERAPI ikan ataupun iktioterapi menggunakan organisme air tawar atau marin sebagai agen pembersihan luka atau masalah kulit. Sejarah berkaitan rawatan tradisional ini kurang mendapat perhatian serta pendokumentasian. Terapi ikan pertama kali dilaporkan dalam jurnal perubatan *The Lancet* pada tahun 1984.

Sejarah terapi ikan bermula di daerah Kangal County, Turki. Menurut penduduk kawasan tersebut, sejarah berkaitan keajaiban perubatan kolam Kangal Fish Spring pertama kali disedari pada awal tahun 1900. Sejarah bermula apabila luka pada bahagian kaki seorang penggembala berjaya sembuh setelah merendamkannya di dalam kolam air panas tersebut. Pada mulanya kolam tersebut dipercayai mempunyai nilai mistik. Namun, akhirnya rahsia kolam tersebut terbongkar apabila

disedari terdapat kewujudan ikan di dalam kolam tersebut yang memainkan peranan tersendiri dalam menyembuhkan luka.

Ikan yang terdapat di dalam kolam air panas tersebut yang pada asalnya bergantung pada tumbuhan dan haiwan kecil, iaitu fitoplankton dan zooplankton sebagai makanan, akhirnya menjadikan sel kulit mati pesakit yang mandi di kolam tersebut sebagai bahan makanannya. Hal ini berlaku disebabkan kolam air panas Kangal bersaiz kecil menyebabkan kewujudan fitoplankton dan zooplankton sedikit serta tidak dapat menampung keperluan makanan ikan yang mendiami kolam tersebut. Akhirnya, ikan yang terdapat di kolam tersebut menggigit sel kulit mati pesakit pada bahagian yang dijangkiti dan memakan bakteria serta kulat yang wujud di bahagian tersebut.

Terdapat dua spesies ikan yang mendiami kolam air panas Kangal, iaitu *Cyprinion macrostomus* dan *Garra rufa*. Kedua-dua spesies ikan ini tergolong dalam Famili Cyprinidae, iaitu kumpulan ikan kap dan ikan kecil. Kedua-dua spesies ikan ini turut dikenali sebagai "Kangal Fish" berdasarkan asal usulnya atau "Doctor Fish" kerana kebolehannya dalam merawat penyakit kulit seperti jerawat, eksem dan psoriasis.

Garra rufa yang turut dikenali sebagai "penjilat" merupakan spesies ikan utama yang digunakan dalam rawatan alternatif ini. *Garra rufa* mempunyai struktur mulut lebar berbentuk bulan sabit dan boleh mencecah hingga 19 sentimeter (cm) panjang serta sisik yang besar. *Cyprinion macrostomus* pula dikenali sebagai "penyerang", mempunyai mulut berbentuk

terminal. Spesies ikan ini boleh mencecah 15 – 20 cm panjang, serta bersisik sebesar 6 – 8 bintik pada bahagian lateral badan yang berbeza saiz.

Kedua-dua spesies ikan tersebut diberi gelaran "penyerang" dan "penjilat" berdasarkan sifat dan lakukan semula jadi ikan tersebut. *Garra rufa* dikenali sebagai "penjilat" kerana lebih mesra serta berenang dengan lembut pada kulit. Spesies ini akan mengunyah dan mengikis sel kulit mati yang terdapat pada kulit manusia. *Cyprinion macrostomus* dikenali sebagai "penyerang" kerana sifatnya yang agak agresif dan bergerak laju apabila memakan sel kulit mati pada kulit. Anak ikan kedua-dua spesies ikan ini yang masih belum matang dikenali sebagai "Jabbar". Jabbar akan kehilangan bintik-bintik pada bahagian lateral apabila meningkat dewasa.

Penyakit seperti psoriasis dan ekzema merupakan antara penyakit yang boleh dirawat menggunakan terapi ikan. Psoriasis ialah penyakit kulit bersisik yang disebabkan oleh keceluaran sistem imun badan. Ekzema merupakan penyakit keradangan pada kulit yang kering dan gatal. Selain itu, ikan ini dipercayai dapat membantu membuang sel kulit mati, mencerahkan parut kecil dan memberikan urutan kecil agar dapat melancarkan peredaran darah.

Kajian secara menyeluruh tentang rawatan ini mula didokumentasikan oleh saintis Ozcelik dan rakan-rakannya pada



Garra rufa

Cyprinion macrostomus

tahun 2000. Kumpulan saintis berkenaan mengkaji kandungan mineral yang wujud di dalam kolam Kangal Fish Spring serta faktor yang mempengaruhi rawatan terapi alternatif ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perubahan positif terhadap 87 orang pesakit psoriasis yang telah menjalani rawatan selama 21 hari di dalam kolam air panas berkenaan. Faktor seperti kandungan selenium, radiasi UV, fenomena Reverse Koebner (didefinisikan sebagai pembersihan luka akibat trauma), serta jangka masa berada di dalam kolam tersebut (4 – 8 jam), merupakan beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan rawatan terapi ini.

Kajian terkini di kolam Kangal Fish Spring telah dijalankan oleh Sayili dan rakan-rakannya pada tahun 2007. Antara tujuan kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri sosioekonomi pelawat, sumbangan kolam tersebut kepada masyarakat tempatan, mengenal pasti masalah pemasaran serta faktor yang mempengaruhi jangka masa pelawat berada di kawasan kolam tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa kolam Kangal Fish Spring berjaya meningkatkan ekonomi penduduk tempatan serta kawasan tersebut berjaya menjadi kawasan tarikan

pelancongan kesihatan disebabkan oleh ciri-ciri semula jadinya.

Pada masa ini, rawatan iktioterapi telah mendapat tempat di Turki. Negara tersebut turut mempunyai lebih 1800 kolam air panas yang dijadikan sebagai lokasi pelancongan. Turki terkenal sebagai spa pelancongan kesihatan untuk pelancong yang berkunjung ke negara tersebut.

Terapi ini masih baharu diperkenalkan di negara ini. Penggunaan spesies *Garra rufa* sebagai terapi mula mendapat perhatian beberapa tahun kebelakangan ini, iaitu sekitar tahun 2008. Kebiasaannya, terapi ini dijalankan oleh beberapa spa dan pusat kecantikan. Kajian secara saintifik terhadap spesies eksotik ini di Malaysia masih kurang mendapat perhatian kerana penggunaannya masih belum meluas atau kesukaran mendapatkan spesies ikan tersebut bagi tujuan kajian. DK

Dr. Norsuhana Abdul Hamid
Pensyarah Kanan, Bahagian Biologi, Pusat Pengajaran Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.



Foto menunjukkan kesan ke atas penghidap psoriasis sebelum dan selepas rawatan iktioterapi dan kesan radiasi UV (Grassberger & Hoch, 2006).